NO. SOALAN : 30

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE [BELURAN]

TARIKH : 18 MAC 2019

SOALAN : Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan :-

(a) apakah langkah-langkah terkini yang diambil oleh ASEAN untuk menangani masalah penindasan yang berlaku ke atas etnik minoriti Rohingya di Myanmar; dan

(b) adakah Kerajaan akan mecadangkan kajian semula Dasar Tidak Campur Tangan ASEAN jika dasar ini menjadi penghalang kepada penyelesaian isu ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Beluran di atas pertanyaan yang dikemukakan.

2. Di Sesi Pemukiman Menteri-menteri Luar ASEAN yang telah diadakan di Chiang Mai, Thailand pada Januari 2019 yang lalu, YB Menteri Luar Negeri dan rakan-rakan sejawatan ASEAN telah bersetuju supaya ASEAN diberikan peranan yang lebih (enhanced) dan yang dapat dilihat (visible) berkaitan dengan keadaan di Wilayah Rakhine, demi menyokong usaha-usaha Myanmar. Peranan ini meliputi isu-isu seperti bantuan kemanusiaan, sokongan untuk penghantaran balik golongan tersasar (displaced persons), dan bantuan pembangunan mampan di Wilayah Rakhine.
Tuan Yang di-Pertua,

3. Mengenai isu repatriasi, beberapa negara anggota ASEAN melihat bahawa tidak mungkin proses penghantaran balik akan berlaku dalam masa terdekat kerana kekurangan kepercayaan dan keyakinan oleh golongan tersasar itu sendiri. Usaha harus dilakukan oleh kedua-dua pihak iaitu Myanmar dan Bangladesh untuk memastikan kembalinya golongan tersasar ini adalah secara sukarela dan bermaruah.

4. Dalam hal ini, sesetengah negara anggota ASEAN berpendapat adalah lebih berguna jika Myanmar memanfaatkan peranan ASEAN dalam memperbaiki keadaan di Wilayah Rakhine, termasuk dengan mempromosikan langkah-langkah membina keyakinan dan/atau menyediakan bantuan pembangunan jangka panjang.

5. Sebahagian daripada langkah-langkah membina keyakinan ini termasuk golongan tersasar yang berpotensi untuk pulang melawat sendiri Wilayah Rakhine untuk melihat persiapan untuk penghantaran balik; serta lawatan oleh wakil-wakil komuniti di Wilayah Rakhineke Cox's Bazaar.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Tentang isu kewarganegaraan, ASEAN mengalu-alukan usaha Myanmar untuk berkerjasama (engage) dengan Suruhanjaya Bebas Siasatan (Independant Commission of Enquiry) yang diketuai oleh Duta Besar Rosario Manalo. Malaysia berpendapat bahawa isu kewarganegaraan ini merupakan isu yang asas bagi penyelesaian jangka panjang yang perlu ditangani oleh Myanmar.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Pada tahun 2017, ASEAN telah menghantar bantuan kemanusiaan melalui *AHA Centre* kepada golongan tersasar di Maungdaw, Myanmar. Pada November 2018, Kerajaan Myanmar telah menjemput ASEAN melalui *AHA Centre* untuk menghantar Pasukan Penilaian Keperluan (*Needs Assessment Team)* bagi mengenal pasti keperluan dan bidang kerjasama di Wilayah Rakhine. Negara-negara ASEAN memberi sokongan kepada misi penilaian keperluan ini dan berharap supaya ia dapat dijalankan sebaik sahaja keadaan keselamatan membenarkan.

Tuan Yang di-Pertua,

8. Pendirian Malaysia adalah jelas bahawa kita menggesa Kerajaan Myanmar untuk mencapai penyelesaian dengan segera dan mapan kepada isu etnik Rohingya di Myanmar demi kepentingan keselamatan dan kestabilan rantau ini. Seperti yang pernah kita sebutkan dalam Dewan yang mulia ini, ada tiga perkara yang melibatkan isu Rohingya. Pertama, ialah soal kerakyatan, kewarganegaraan bagi orang Rohingnya di Myanmar. Selaras dengan itu, ialah membawa penjenayah-penjenayah ke muka pengadilan. Kedua, penghantaran pulang (repatriation) orang Rohingya dari Bangladesh ke Myanmar. Ketiga, ialah bagaimana kita boleh meningkatkan bantuan-bantuan kemanusiaan yang diberikan oleh kerajaan dan rakyat Malaysia kepada etnik Rohingya sama ada di dalam negara kita sendiri ataupun melalui contohnya, hospital medan yang diuruskan oleh MINDEF di Cox's Bazar, Bangladesh.

9. Ini akan kita teruskan, misalnya, hospital medan di Cox’s Bazar, Kabinet telah membuat keputusan hospital ini akan diteruskan sehingga bulan Disember 2019. Di peringkat antarabangsa, kita terus mengetengahkan isu Rohingya sama ada kerangka ASEAN dalam OIC dan juga di PBB.

Tuan Yang di-Pertua,

10. Bagi memastikan persahabatan dan kerjasama yang berterusan, ASEAN mengamalkan prinsip tidak campur tangan dalam hal ehwal dalaman dan menghormati kedaulatan Negara-negara Anggotanya seperti yang termaktub di dalam Piagam ASEAN. Piagam ASEAN turut memperuntukkan dengan jelas bahawa ASEAN dan Negara Anggotanya hendaklah menghormati hak setiap Negara Anggotanya untuk memerintah dan mentadbir negaranya sendiri bebas daripada campur tangan luar, perbuatan subversif dan paksaan.

Sekian, terima kasih.